

Headline	Adab-adab ketika berbuka
Date	12. Sep 2008
Media Title	Utusan Malaysia
Section	Supplement
Circulation	238082
Readership	833287
Language	MALAY
Page No	14
Article Size	131 cm²
Frequency	Daily
Color	Full Color
AdValue	



Adab-adab ketika berbuka



ANZARUDDIN AHMAD

HADIS qudsi daripada Abi Hurairah bahawa *Rasulullah SAW bersabda: Allah telah berfirman, ...Bagi orang yang berpuasa itu dua kegembiraan: kegembiraan ketika berbuka puasa dan kegembiraan ketika bertemu dengan Tuhanmu...* (riwayat al-Bukhari dan Muslim).

ORANG berpuasa mesti menjaga adab-adab sepanjang menjalankan ibadah tersebut. Ini termasuklah adab-adab berbuka puasa. Adab-adab berbuka puasa yang perlu diberi perhatian adalah:

- Menyegerakan berbuka (*Tajil Al-Iftar*) sejurus masuk waktu maghrib.

Ini berdalikan hadis daripada Sahl bin Sa'd, bahawa Rasulullah SAW bersabda: *Manusia akan terus berada dalam kebaikan selagi mana mereka menyegerakan berbuka puasa.* (riwayat al-Bukhari dan Muslim).

- Memulakan makan dengan basmalah, makan dengan tangan kanan dan mengakhiri dengan *hamdalah*.

Ini berdalikan hadis 'Umar bin Abi Salamah r.a. (anal tiri Rasulullah) yang pernah tinggal di bawah jagaan Nabi SAW. Kata 'Umar: *Rasulullah SAW telah berkata kepadaku: Wahai budak kecil! Apabila kamu hendak makan maka sebutlah nama Allah, gunakanlah tangan kananmu, dan ambillah makanan yang terhidang dekat denganamu.* (riwayat al-Bukhari dan Muslim).

- Berbuka puasa dengan rutab, tamar atau air. Rutab adalah buah kurma separuh masak, yang lembut dan manis rasanya. Tamar pula adalah buah kurma yang sudah kering.

Rutab ialah buah kurma masak yang masih basah. Apabila ia kering dan mengikut ia dipanggil tamar. Anas berkata: "Rasulullah SAW berbuka puasa sebelum solat (maghrib) dengan beberapa biji rutab (sekurang-kurangnya tiga biji kerana *jamak muannath salim* dalam bahasa Arab bermula dengan bilangan tiga), jika tiada rutab maka dengan beberapa biji tamar (juga sekurang-kurangnya tiga biji) dan jika tiada tamar maka Baginda menghirup beberapa teguk air (juga sekurang-kurangnya tiga teguk), sesungguhnya ia adalah suci". (riwayat al-Tirmidzi)

Inilah sunnah Nabi s.a.w. yang diaibaikan oleh kebanyakan orang yang berpuasa, khususnya dalam beberapa undangan umum di mana disediakan makanan dan minuman yang baik dan lazat. (Mahmud bin Ahmad Rasyid, *Tawjih al-Sari Li al-Ikhtiyarat al-Fiqhiyyah*, Dar Ibnu Rajab, al-Mansurah, 2004 : 136).

Dakwaan bahawa jika tiada tamar, maka sunat berbuka dengan buah-buahan lain atau kuih muih yang manis juga tiada sebarang dalil daripada sunnah Nabi SAW.

- Segera solat maghrib selepas berbuka jika makanan belum dihidangkan.

Hadis Anas yang kita bincangkan di atas menunjukkan Nabi SAW berbuka dengan rutab, tamar atau air sebelum solat maghrib.

Selepas berbuka, sunat dia menyeberangkan solat maghrib. Selesai solat dia boleh kembali menyambung makan malam untuk memenuhi hajatnya (ibid: 36).

Bagaimanapun, jika makanan telah dihidang, makruh kita meninggalkan makanan kerana mahu segera menuaikan solat. Makruh di sini adalah hal-hal yang dapat mengurangi kesempurnaan solat namun tidaklah tidaklah sampai membantalkannya. (Abdulah bin 'Abd al-Rahman 'Ali Bassam, *Tanbih al-Afham wa Taisir al-'Alam*, Dar Ibnu Haitsam, Cairo, 1992 : 157-158).

- Tidak makan dengan kadar berlebihan. Ini bertepatan dengan firman Allah: *Dan makanlah kamu dan minumlah kamu, dan janganlah kamu berlebih-lebihan. Sesungguhnya Dia (Allah) tidak suka orang yang berlebih-lebihan.* (al-'Araaf : 31).

Dalam hadis lain, Rasulullah bersabda supaya kita membahagikan perut kepada tiga iaitu satu pertiga untuk makanan, satu pertiga untuk minuman dan satu pertiga untuk pernafasan. (riwayat al-Tirmidzi)

- Berbuka secara berjemaah

Disunatkan makan secara berjemaah termasuk ketika berbuka. Para sahabat dapat merakamkan perihal berbuka Nabi SAW kerana mereka berbuka secara berjemaah bersama Nabi SAW.

- Berdoa ketika berbuka.

Berdasarkan kepada hadis Nabi s.a.w. adalah sunat berdoa: "Sesungguhnya bagi orang berpuasa itu, doa yang tidak ditolak ketika dia berbuka". (riwayat Ibn Majah)

- Berdoa kepada mereka yang menyediakan hidangan berbuka

Ini seperti doa Nabi SAW kepada para sahabat yang menjamu Baginda dengan makanan dan minuman seperti yang diriwayatkan oleh 'Abdillah bin Busri di mana Nabi menyebut: ...*Ya Allah! Berkatalah mereka pada rezeki yang Engkau anugerahkan, ampunilah mereka dan rahmatilah mereka.* (riwayat Muslim).

- Menyediakan *Iftar* (hidangan berbuka) bagi mereka yang berpuasa.

Rasulullah bersabda: "Barang siapa yang menyediakan makanan berbuka untuk orang yang berpuasa, maka dia mendapat ganjaran sepertinya (orang yang berpuasa) tanpa dikurangi sedikitpun ganjaran orang yang berpuasa itu". (riwayat al-Tirmidzi)

- Tidak mencela makanan

Kata Abu Hurairah: Rasulullah SAW tidak pernah mencela mana-mana makanan. Apabila Baginda menyukai (mengingini) sesuatu makanan dimakannya, dan apabila Baginda tidak menyukainya ditinggalkan sahaja. (riwayat Muslim)

- Menjilat/mengulum jari sejurus selesai makan

Abdullah Ibnu Abbas meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda: *Apabila seseorang kamu makan maka janganlah dia menyapu tangannya sebelum dia menjilat/mengulum jari-jarinya.* (riwayat al-Bukhari)

Ini jelas menolak dakwaan sesetengah pihak konomnya perbuatan menjilat jari-jari adalah sesuatu yang menjijikkan.

- Anzaruddin Ahmad ialah pensyarah Bahasa Arab di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia